

Antara Bani Israil dan anti-vaksin

“SAMIRI bukan autoriti Bani Israil. Sebaliknya Nabi Harun a.s. adalah autoriti dan wakil ketua sebenar yang mendapat lantikan terus daripada Nabi Musa a.s. Namun, apakan daya perangai tak hormati autoriti telah menyebabkan bencana besar melanda Bani Israil.”

Selepas merdeka daripada cengkaman penjajahan Firaun, Bani Israil mula berdirikan di bawah pimpinan Nabi Musa. Walaupun begitu, kehidupan mereka pasca kejatuhan Firaun masih tidak lengkap tanpa panduan wahyu Allah.

Oleh itu, bagi melengkapkan kehidupan Bani Israil, Allah memanggil Nabi Musa ke Gunung Tur untuk menerima kitab Taurat.

Bani Israil yang berasal daripada 12 anak Nabi Yaaqub a.s. mempunyai ramai jumlah keturunannya. Pengurusan mereka pasti bergelumang dengan pelbagai kerenah. Oleh itu, pimpinan ketua mesti ada bagi mengawal situasi.

Sebelum meninggalkan Bani Israil, Nabi Musa secara rasmi menyerahkan tampuk pimpinan kepada Nabi Harun.

Sebagaimana firman Allah ertinya: *“Dan kami janjikan masa kepada Nabi Musa (untuk memberikan Taurat) selama 30 malam, serta Kami genapkan jumlahnya dengan 10 malam lagi, lalu sempurnalah waktu yang telah ditentukan oleh Tuhannya 40 malam. Dan*

Refleksi al-quran

Oleh **ABDULLAH BUKHARI ABDUL RAHIM AL-HAFIZ**

Pensyarah di Jabatan Tilawah al-Quran, Pusat Bahasa, UIAM dan Timbalan Presiden Murshid.



Nabi Musa berkata kepada saudaranya Nabi Harun (semasa keluar menerima Taurat):

“Gantikanlah aku dalam (urusan memimpin) kaumku dan perbaikilah (keadaan mereka sepeninggalanku), dan janganlah engkau menurut jalan orang yang melakukan kerosakan.” (al-A'raf :142)

Ayat ini jelas menunjukkan watakah penggantian sementara diserahkan secara rasmi kepada Nabi Harun. Sebab itu apabila Nabi Musa mengetahui kacau bilau akidah berlaku terhadap Bani Israil sepeninggalannya, baginda segera turun dan menyoal siasat Nabi Harun.

Firman Allah ertinya: *“(Sekembalinya dari gunung setelah menerima kitab Taurat), Nabi Musa berkata: “Wahai Harun, apa yang menghalangmu ketika engkau melihat mereka sesat, daripada menurutku? Adakah engkau ingkar akan suruhanku?” (Taha :92-93)*

Mengapa Harun disoal

INFO

- Sikap tidak mempercayai autoriti boleh mengundang bencana besar.
- Bertanyalah kepada 'ahlinya' jika tidak mengetahui.
- Elakkan membuat rumusan sendiri berdasarkan pengaruh, logik.
- Contoh terdekat budaya anti-vaksin yang dilihat semakin berleluasa di negara ini telah mengakibatkan maut.
- Pihak berautoriti bagaimanapun bertanggungjawab penuh terhadap keputusan dilaksanakan.

terlebih dahulu sebelum orang lain? Begitulah protokol dalam mana-mana organisasi. Ketua yang bertanggungjawab penuh. Jika organisasi maju, ketua menerima tepuk puji, begitu juga sebaliknya jika organisasi jatuh merudum ketua juga mendapat cela dan caci. Inilah impak sebuah autoriti!

Bani Israil memang terkenal dengan sikap degilnya. Autoriti ketua yang diwatikahkan secara rasmi kepada Nabi Harun

AKURLAH arahan pihak berautoriti termasuk dalam memberikan vaksin kepada anak kecil. - GAMBAR HIASAN

ditolak ke tepi setelah muncul Samiri membawa 'produk akidah yang ajaib'.

Setelah Nabi Musa naik ke gunung, Samiri merencana onar untuk menyatukan Bani Israil dengan mencipta patung anak lembu emas.

Akibatnya sebilangan besar Bani Israil termakan pujukan berkilau patung lembu emas ciptaan Samiri. Melihat akidah rakyat sudah terpesong dek 'produk palsu' Samiri, Nabi Harun segera bertindak.

Malangnya autoriti kepimpinan baginda ditolak mentah-mentah (rujuk surah Taha: 90-91). Akibatnya, setelah Nabi Musa turun, Samiri diusir keluar, patung itu dibakar menjadi debu dan penyembahnya dijatuhi hukuman bunuh (rujuk surah Taha 20:97 dan al-Baqarah :54).

PERANGAI TIDAK HORMAT AUTORITI

Itu cerita orang dahulu yang tak tahu menghormati autoriti kepimpinan. Rupanya 'penyakit jiwa' sebegini turut berlaku sampai kiamat.

Jika Bani Israil menolak autoriti asli dan menjerumuskan diri ke kancang dosa dengan autoriti palsu bawaan Samiri, bagaimana pula dengan Muslim Malaysia?

Contoh terbaik boleh penulis berikan berkaitan isu ini adalah kewujudan kelompok anti-vaksin yang semakin meningkat jumlahnya dalam masyarakat.

Kelompok ini menolak program imunisasi yang dijadualkan kerajaan melalui Kementerian Kesihatan dengan pelbagai alasan dan hujah.

Pegangan mereka dikutip dari serata tempat tanpa autoriti yang kukuh dan sah. Bahkan semua hujah mereka sudah dijawab kemas oleh pihak kementerian, namun sikap 'tidak percayakan autoriti' menjadikan mereka tegar berkubu dalam kepompong berfikir yang berbahaya.

Kenapa dikatakan bahaya? Penolakan vaksin boleh mendedahkan masyarakat

kepada penyakit berjangkit yang boleh dicegah dengan vaksin.

Kewujudan mereka turut menjadi kebimbangan baru pihak berkuasa berikutan peningkatan penyakit berjangkit yang sudah lama tidak kedengaran seperti kes kematian bayi di Johor awal tahun ini dipercayai akibat jangkitan difteria.

Setelah diperiksa bayi tersebut didapati tidak pernah menerima sebarang imunisasi sejak lahir. Rupanya harga 'akidah anti-vaksin' adalah nyawa seorang bayi tidak bersalah.

IBRAH BANI ISRAIL

Allah sendiripun mengarahkan kita agar merujuk kepada pakar bidang (rujuk surah al-Nahl :43 dan al-Anbiya :7) bagi mendepani isu tidak kita fahami.

Pastinya pakar bidang perubatan menghabiskan masa bertahun mengkaji lebih kukuh ilmunya berbanding pejuang anti-vaksin yang lama berteleku di depan skrin telefon pintar atau komputer peribadi mencedok maklumat dalam alam maya.

Ambillah pengajaran daripada kedegilan Bani Israil yang tidak menghormati autoriti kepimpinan Nabi Harun yang mengakibatkan kemurkaan Allah kepada mereka. Sebelum menelan sebarang teori konspirasi tentang vaksin dan imunisasi, fikirkan kesannya yang mungkin menimpa anak bangsa.

Apa agaknya jawapan kita di hadapan Allah kelak jika ada anak kecil hilang nyawa diserang penyakit berjangkit yang asalnya boleh dicegah dengan pengambilan vaksin?

Allah Yang Maha Mengetahui pastinya tidak akan menerima jawapan mudah kita `si anak kecil mati kerana takdir, apabila sudah ditakdirkan Tuhan yang ambil vaksin pun boleh mati' sedangkan pintu pencegahan yang disediakan autoriti kerajaan terbuka luas.



SIKAP tidak percaya autoriti boleh mengakibatkan bencana besar termasuk kehilangan nyawa. - GAMBAR HIASAN